

24 OCT 2003

Mahathir-Kerjasama/I

MALAYSIA SEDIA TINGKATKAN K/SAMA DENGAN PAPUA NEW GUINEA, DR M

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

PORT MORESBY, 24 Okt (Bernama) -- Berbekalkan dasar "memakmurkan jiran", Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengumumkan persetujuan Malaysia untuk meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan Papua New Guinea.

Dr Mahathir berkata Malaysia gembira membantu Papua New Guinea melaksanakan perancangannya dan berkongsi pengalaman terutama dalam sektor kewangan dan perbankan.

"Kami menyedari bahawa Papua New Guinea sedang melalui tempoh yang mencabar dalam usaha memodenkan ekonominya.

"Malaysia juga telah menghadapi cabaran serius dalam ekonomi, termasuk serangan ke atas mata wang negara oleh penyangak mata wang pada 1997/98.

"Kami gembira berkongsi pengalaman dengan Papua New Guinea bagi mengatasi kesulitan ini," kata Dr Mahathir pada jamuan malam rasmi yang dihoskan oleh Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Michael Somare di sini.

Dr Mahathir yang tiba di sini awal hari ini untuk lawatan dua hari selepas kunjungan tiga hari ke Timor Leste yang baru merdeka, menekankan dasar Malaysia dalam usaha memakmurkan jirannya.

Dr Mahathir sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Sir Michael bagi bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala dan beberapa isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama, di pejabat Perdana Menteri di Rumah Parlimen.

Ia diikuti mesyuarat para delegasi.

"Saya sangat gembira kerana kita bersetuju bahawa memang ada asas bersama untuk kita meningkatkan skop dan tahap hubungan dan kerjasama kita," kata Dr Mahathir yang turut mengunjungi Gabenor Jeneral Papua New Guinea Sir Silas Atopara petang tadi.

Selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengukuhkan Kerjasama Selatan-Selatan, Dr Mahathir berkata Malaysia telah menghulur bantuan kepada negara Selatan Pasifik menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCO).

Setakat ini, ramai peserta dari negara itu menghadiri kursus latihan di institusi di Malaysia dan ramai lagi mendapat manfaat daripada program lawatan belajar dan latihan dalam pelbagai disiplin.

Dr Mahathir juga menyambut baik usaha Papua New Guinea untuk membuka semula pejabat Suruhanjaya Tinggi negara itu di Kuala Lumpur dan menyifatkannya sebagai komitmen tegas kerajaan untuk memperkukuhkan hubungan dengan Malaysia.

Pejabat Suruhanjaya Tinggi negara itu ditutup pada 2000 sebagai sebahagian daripada langkah penjimatan kos pentadbiran sebelum ini. Sir Michael yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur, Februari lepas, menarik balik keputusan itu tahun ini.

Dr Mahathir berkata pelaburan Malaysia di Papua New Guinea berjumlah USS457 juta, menjadikannya pelabur keempat terbesar di negara itu dan terbesar dari Asia.

Kunjungan itu merupakan lawatan ketiga Dr Mahathir ke Papua New Guinea. Beliau mengunjungi negara ini pada 1982, setahun selepas menjadi Perdana Menteri dan pada 1984 bagi menghadiri mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel.

Dalam perutusan sempena kunjungan Dr Mahathir, Sir Michael berkata beliau gembira kerana hubungan antara kedua-dua negara telah berkembang daripada hubungan diplomasi kepada kerjasama perdagangan dan ekonomi.

"Kami sangat gembira kerana anda memilih Papua New Guinea sebagai tugas rasmi terakhir sebelum anda bersara akhir bulan ini," katanya dalam perutusan itu yang disiarkan oleh akhbar The National.

-- BERNAMA

AZZ HM LAT